



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Si Baju Hitam.”

Pada 22 September 2021 Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi. Program ini diadakan pada hari Rabu dan Ahad dan dijalankan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Puan Zuraidah binti Isa dan bacaan doa disampaikan oleh Encik Muhammad Naquiddin bin Roslan. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Encik Masnawi bin Miskam, Penolong Pendafar Kanan dari Bahagian Aktiviti dan Pembangunan Pelajar telah menyampaikan perkongsian pengalaman bertajuk “Si Baju Hitam.”

Ringkasan daripada tajuk yang telah dikongsikan adalah suatu pengalaman yang sukar dilupakan, dialami semasa menjadi pengadil dalam perlawanan bola sepak antara pasukan Gerakan Marin dan Ibu Pejabat Polis Daerah Nusajaya. Sepanjang permainan berlangsung, adakalanya pemain akan menerima kad merah daripada pengadil. Akibat tidak berpuas hati, maka terjadilah pergaduhan yang menyebabkan kecederaan.

Laporan polis telah dibuat supaya pemain tersebut mendapat hukuman daripada pihak yang berkuasa. Setelah beberapa lama PDRM (Polis Diraja Malaysia) menghubungi semula untuk menjalankan siasatan tetapi atas sifat kemanusiaan, beliau telah memaafkan kesalahan pemain tersebut.

Moral daripada perkongsian pengalaman ini adalah memaafkan adalah sukar bagi seseorang tetapi sekiranya boleh memaafkan ia adalah sifat yang terpuji.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

